

10 JAN 2002

MAHATHIR-KADAR/I

SELESAIKAN KETIDAK PASTIAN KADAR TUKARAN WANG, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Jan (Bernama) -- Ketidak pastian dalam kadar tukaran matawang yang menjejaskan perniagaan antarabangsa dan menghapuskan keuntungan perlu ditangani bagi membolehkan orang ramai mengurus niaga dengan keyakinan yang lebih besar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Memandangkan keperluan bagi kesabilan matawang, kata beliau ia seharusnya merupakan "sesuatu yang memberikan mereka keuntungan (dan) tidak dengan tiba-tiba bertukar menjadi kerugian cuma kerana seseorang menyalah gunakan kadar tukaran wang."

"Mungkin, dunia boleh mengkaji semula sistem kewangan antarabangsa bagi orang-orang perniagaan untuk menjadi kurang terdedah kepada risiko kadar pertukaran di dalam urusan niaga mereka," beliau berkata di dalam ucapannya semasa penyampaian wang kertas kenangan euro oleh duta-duta negara-negara Kesatuan Eropah (EU) di Malaysia di pejabat beliau di sini.

Duta Sepanyol ke Malaysia, Alvaro Iranzo Gutierrez, yang juga pengerusi semasa EU di Malaysia menyampaikan matawang baru itu kepada Perdana Menteri bagi pihak EU.

Ketua-ketua misi lain yang hadir termasuk duta-duta dari Austria, Denmark, Perancis, Itali, Finland, Jerman, Sweden, Netherlands, United Kingdom, Ireland, Luxembourg, pegawai-pegawai Suruhanjaya EU Vasilis Bontosoglou dan Kaunselor Ekonomi Sepanyol, Jaime Montalvo.

Kesemua negara EU kecuali UK, Sweden dan Denmark telah memulakan menggunakan wang kertas dan duit siling euro sejak tahun baru.

Dr Mahathir berkata: "Sekiranya kita lebih pasti terhadap kadar tukaran wang, perdagangan antarabangsa akan meningkat kerana kos dagangan akan kurang disebabkan kos perniagaan akan kurang disebabkan keperluan lindung nilai yang lebih kecil."

Bagaimanapun, pada ketika ini, sebarang ide mengenai mengubah kerangka kewangan antarabangsa dalam usaha membendung spekulasi matawang dan mengurangkan risiko kadar tukaran wang akan dibangkang oleh pihak-pihak tertentu, katanya.

Oleh itu, ia berakhir dengan kes-kes seperti apa yang berlaku di Argentina, katanya.

Beliau berkata satu mekanisme untuk menentukan kadar tukaran wang sepatutnya telah wujud lama sebelum dahulu supaya sebarang perubahan tidak akan menjejaskan disebabkan oleh alasan-alasan yang ketara.

Katanya peniaga-peniaga matawang malahan boleh menyebabkan nilai matawang-matawang akan naik atau turun dan ini adalah tidak baik bagi dagangan.

Dr Mahathir juga berkata masyarakat antarabangsa telah menolak sebarang percubaan untuk mengkaji sistem kewangan antarabangsa dan ia akan dikekalkan kerana "seseorang mendapat faedah daripadanya manakala banyak negara anggota menderita dan akan terus menderita selagi sistem itu tidak diubah."

Dalam menerima pembentangan euro pada upacara hari ini, perdana menteri berharap agar euro akan kekal stabil dan bahawa nilai barangan yang dibeli akan mencerminkan nilai barangan itu dan bukan apa yang ditentukan bagi pedagang-pedagang matawang atau yang lain. -- BERNAMA

SHO SHY OS